

Oleh **Md Shukri Shuib**



## Ambil iktibar gugatan keselamatan di Asia Barat

**B**aru baru ini saya bertemu seorang wartawan dari Iraq yang sedang melanjutkan kajian dalam bidang politik dan pengajian antarabangsa di universiti awam negara ini.

Malaysia menjadi pilihan utama wartawan negara bergolak tersebut kerana tertarik dengan keamanan serta terkenalnya tanah air kita ini dengan kestabilan politik yang pastinya lebih baik berbanding Iraq.

Sepanjang diskusi, saya dikhabarkan wartawan berkenaan menjadi sasaran IS atas liputannya yang tidak memihak kepada kumpulan terbabit. Beliau mengakui dekat dengan kepimpinan golongan Sunni Iraq dan banyak membuat rencana serta liputan berkaitan Iraq dan pergerakan politik Sunni tetapi tidak memberikan sokongan pada IS.

Wartawan berkenaan yang menerima ancaman terhadap keselamatan diri dan nyawanya mengambil keputusan melanjutkan pengajian di Malaysia dan jauh daripada 'gejala' korban politik yang tidak berkesudahan di Iraq, malahan semakin memburuk.

Katanya, walaupun era kepemimpinan Saddam Hussein ke atas Iraq dengan cengkaman politik yang ketat tapi ia membawa kestabilan kaum dan agama. Aspek perbezaan agama dan mazhab serta kaum akan diketepikan jika seseorang itu boleh menyumbang kepada pembinaan negara ala-Saddam demi kestabilan kerajaan. Lihat saja bagaimana Tariq Aziz seorang pemimpin kumpulan minoriti kristian di Iraq dilantik ke jawatan Timbalan Perdana Menteri dalam kabinet Saddam.

Era Saddam katanya jauh lebih dirindui dibanding era demokrasi ciptaan Amerika Syarikat yang kini 'subur' membawa 'kejayaan' kepada Iraq dan rakyatnya. Dulu era Saddam, Iraq digeruni dan kemajuan pembangunan serta pertumbuhan ekonomi pesat berkembang. Iraq sebelum berlakunya pencerobohan Baghdad ke atas Kuwait antara negara Teluk pimpinan Sunni yang paling progresif dan moden serta maju.

Kini akibat perang dan penindasan serta tekanan Amerika Syarikat disokong sekutu kuatnya dari Eropah dan juga beberapa negara Arab yang marahkan Baghdad atas pencerobohan Kuwait sudah menyebabkan Iraq bukan saja bergolak tetapi berlaku 'perang dalam perang'. Iraq yang dulunya menjadi 'negara penampungan' bagi Sunni terhadap penularan hegemoni politik Syiah yang dipacu Iran kini runtuh dan dikuasai Syiah.

Tumbangannya kerajaan Saddam di Baghdad membuka seolah 'la-

luan sutera syiah' bagi terus memastikan semua negara utama di Asia Barat seperti Iran, Iraq dan Syria serta juga wilayah dikuasai Syiah Hizbullah di Lubnan membentuk satu pakatan Syiah yang mampu mengancam kedudukan dan kestabilan keselamatan geo politik negara Arab Sunni di sekitar rantau terbabit. Inilah ancaman politik pasca pendemokrasian Iraq oleh Washington.

Puluhan bilion dolar dibelanjakan dalam Perang Teluk serta belanja mengadakan sekatan udara dengan penguatkuasaan zon larang terbang serta operasi tentera menumbangkan kerajaan sah Saddam di Iraq hanya berakhir dengan tragedi gugatan keselamatan global yang semakin meluas.

Jika Iraq masih stabil seperti sebelum pencerobohan ke atas Kuwait dan tanpa 'penaklukan' Washington ke atas Baghdad, pastinya kumpulan seperti Al Qaeda, IS serta perang yang berlaku di Syria serta peristiwa dominasi Syiah ke atas dunia Arab ini dapat dibendung.

Jika China yang terbuka sistem ekonominya dan menjadi negara dagangan kedua terbesar dunia pun masih tidak 'berani' melakukan pendemokrasian politik dari sudut pilihan raya dan masih mengekalkan dominasi satu parti tunggal memerintah, begitulah juga kedudukan geo keselamatan dan kestabilan negara rantau Arab yang secara tingkah laku dilihat tidak mendasari keperluan diwujudkan apa yang White House dan Barat canangkan sebagai pendemokrasian dunia. Jika benar Barat beria sangat dengan hal demokrasi dalam peradaban dunia, cubalah demokrasikan Beijing dan lihatlah kesannya selepas itu.

Amerika Syarikat dan 'pakatan tentera demokrasi' mereka berjaya memusnahkan kestabilan rantau Arab sehingga wujud pergolakan. Ancaman IS dan juga konflik pertarungan nyawa di negara Arab seperti Iraq dan Syria bukan sahaja menyebabkan seorang wartawan Iraq meninggalkan negaranya dan berhijrah ke Malaysia atas faktor keselamatan dan menyambung pengajian di sini, malahan menjadi penyebab kepada jutaan manusia yang dahulunya dipayungi kedaulatan negara kini menjadi pelarian dan pendatang.

Keamanan harus dihargai dan kestabilan yang hilang bukan senang hendak dipulihkan. Moga Wawasan 2020 akan tercapai dan legasi kerajaan kekal dengan acuan warisan kontrak sosial merdeka yang sedia wujud kini.

**Penulis Pensyarah Kanan  
Pusat Pengajian Antarabangsa  
UUM**